

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI  
BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan mengapakah lesen khas umrah dimansuhkan dan adakah kaedah yang baru itu masih mengekalkan syarat-syarat terdahulu seperti dari segi pemilikan, kewangan dan insurans.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menguatkuasakan pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992, Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] pada 1 Jun 2019.

Melalui peruntukan baharu berkaitan perniagaan pengendalian pelancongan ke luar negeri bagi umrah atau ziarah di dalam Peraturan ini, perniagaan pengendalian pakej umrah telah dijenamakan semula melalui peruntukan baharu dengan perundangan yang lebih jelas berbanding pelaksanaan lesen khas umrah bagi dua musim umrah yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelesenan syarikat pengendalian pakej umrah melalui peraturan baharu ini juga masih mengekalkan semua syarat-syarat terdahulu seperti dari segi pemilikan yang mewajibkan pemilikan warganegara Malaysia beragama Islam, kewangan, penekanan kepada aspek takaful perjalanan bagi melindungi perjalanan jemaah umrah dan penambahbaikan lain yang memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan khususnya pihak Kerajaan, industri dan orang awam.

Sekian, terima kasih.